Kosmo Ahad 11/4/2021 m/s 16

Santuari gajah akan dibuka 2025

Oleh MASTURAH SURADI

KOTA TINGGI – Santuari Gajah Johor (JES) yang dibangunkan di Kampung Panti di sini dijangka dapat dibuka sepenuhnya kepada orang ramai dalam tempoh empat tahun lagi.

Pegawai Daerah Kota Tinggi, Hazlina Jalil berkata, projek yang melibatkan tiga fasa itu kini berada di peringkat fasa kedua iaitu proses melantik 'pelatih' gajah.

Katanya, selain itu di fasa kedua juga akan melibatkan pembinaan pagar di sekeliling kawasan santuari berkenaan.

"Fasa satu melibatkan pembinaan 'paddock' dan juga pejabat. Kita dimaklumkan pada tahun 2025 santuari gajah yang dibina boleh dibuka kepada orang awam untuk lawatan dan aktiviti lain.

"Sekarang belum lagi kerana proses melantik 'pelatih' gajah yang mana lantikan tersebut akan dilakukan pada pertengahan April ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.



JES akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2025 yang terletak di Kampung Panti, Kota Tinggi.

Hazlina berkata, kemudahan lain termasuklah tempat untuk gajah berkeliaran juga telah tersedia dan hanya menunggu pelatih gajah sebelum haiwan itu boleh dibawa masuk ke santuari untuk dilatih agar tidak berlaku konflik dengan manusia.

Mengulas lanjut mengenai kekerapan kehadiran haiwan itu di kedai makan di Batu 6 Mawai dan kawasan berhampiran, Hazlina berkata, haiwan berkenaan hanya datang sekali sekala untuk mencari buah-buahan sebagai makanan mereka.

"Sebenarnya apa yang berlaku memang kebelakangan itu adalah kawasan hutan Panti gajah-gajah di sana memang akan keluar kawasannya cuma sekali sekala mereka akan ke kawasan kedai buah-buahan mencari makanan yang lain.

"Apa yang perlu dilakukan sekarang ini kita perlu faham *nature* gajah. Bila nampak haiwan ini jangan bermain lampu, membunyikan hon yang akan membuatkan gajah terkejut dan bertindak agresif," katanya.

Dalam pada itu seorang penjaga kedai buah-buahan di Batu 6 di sini, dikenali Mohamad Ajis berkata, kedai tuannya itu telah enam kali didatangi haiwan itu sejak dia mula bekerja di situ awal tahun ini.

"Selalu gajah datang pada pukul 7.30 petang ke 8 malam, pukul 11 malam juga pukul 3 pagi.

"Haiwan ini datang tidak merobohkan tempat kami cuma memakan buah-buahan. Buah yang sering dimakan adalah pisang dan kadangkala buah tembikai," jelasnya.

Unit Komunikasi Korporat
KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD
TARIKH	:	11/4/2021 MUKA SURAT : 16
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN